

20 NOV 1999

Pencalonan-Mokhtar

SENARAI BN KALI INI ADALAH TERBAIK BERBANDING 1995

CUKAI, 20 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata senarai calon Barisan Nasional (BN) yang akan bertanding pada pilihan raya ke-10 kali ini adalah barisan yang terbaik berbanding senarai pada pilihan raya 1995 dahulu.

Beliau berkata, ini kerana semua calon yang dipilih itu mendapat sokongan padu daripada semua anggota BN termasuk mereka yang tidak terpilih untuk memastikan kemenangan.

"Kita juga yakin BN akan menang dalam pilihan raya, 29 Nov ini dan juga sesetengah kawasan yang kita kalah (1995) boleh ditawan balik," katanya kepada pemberita selepas penamaan calon bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Cukai di Pejabat Daerah Kemaman hari ini.

Beliau yang bertanding buat kali keenam untuk kerusi itu sejak memenangnya pada tahun 1974, akan menghadapi pertandingan satu lawan satu dengan calon PAS iaitu Ketua PAS Kawasan Kemaman, Awang Jusoh.

Pencalonan Menteri Besar telah dicadangkan sendiri oleh anak keempatnya iaitu Wan Abdul Hakim dan disokong oleh Zakaria Salleh pada pukul 10.20 pagi.

Beliau berkata antara tumpuan BN pada pilihan raya ini adalah di kawasan Parlimen Marang memandangkan PAS meletakkan beberapa pemimpin ternama parti itu termasuk Timbalan Presiden PAS Abdul Hadi Awang bagi Parlimen Marang serta Naib Presidennya Mustafa Ali di DUN Pengkalan Berangan.

Wan Mokhtar menasihatkan supaya semua calon yang bertanding pada pilihan raya kali ini supaya menghadapi lawan masing-masing dengan cara terhormat dan bersopan.

Mengenai 'peteh memeteh' pula, beliau berkata tiada masalah di kalangan anggota yang tidak terpilih kerana mereka semua berjanji untuk memberi sokongan kepada calon BN.

"Kita juga sudah memberikan penjelasan (kepada mereka yang tidak terpilih) dan mereka faham serta kita tidak pula menjanjikan apa-apa kepada mereka (yang tidak terpilih)," katanya.

Wan Mokhtar juga berkata beliau menerima sesiapa sahaja yang akan melawannya pada pilihan raya itu dan telah mengatur strategi untuk memastikan kemenangannya serta BN keseluruhannya.

Beliau juga berkata Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan turun ke Kuala Terengganu pada 25 Nov ini untuk membantu kempen BN pada pilihan raya itu.

Sementara itu, Awang berkata ini merupakan kali kedua beliau menentang Wan Mokhtar. Kali pertama percubaannya iaitu pada pilihan raya 1986 di DUN yang sama tetapi gagal.

Awang yang sudah lima kali bertanding pada pilihan raya iaitu sejak 1978 berkata semua calon PAS di Parlimen Kemaman yakin dapat memberikan tentangan hebat kepada BN dan antara isu yang akan dibawa mereka ialah mengenai penubuhan sebuah negara Islam.

-- BERNAMA

SBS PR